

BERITA PEJABAT AUDIT DALAM

2/2023

Norasiah Mat Said

Lawatan Kerja Pejabat Audit Dalam UTeM ke Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam, Jabatan Ketua Menteri Melaka

Rabu, 8 Mac 2023

AYER KEROH: Pejabat Audit Dalam UTeM telah mengadakan lawatan kerja ke Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam (BADSA), Jabatan Ketua Menteri (JKM) Melaka pada 8 Mac 2023 (Rabu). Seramai 12 orang staf Pejabat Audit Dalam terlibat dalam lawatan ini yang diketuai oleh Ketua Juruaudit iaitu Encik Mohd Hary bin Ujang.

Ketibaan staf Pejabat Audit Dalam UTeM telah disambut oleh Pengarah BADSA iaitu Puan Norita binti Ismail dan staf-staf BADSA. Objektif lawatan kerja ini adalah untuk melihat struktur, fungsi, pengurusan pentadbiran serta mempelajari dan menimba pengalaman daripada agensi lain mengenai program Audit dan teknik pengauditan terkini yang digunakan dalam melaksanakan pengauditan.

Selain itu, lawatan kerja yang diadakan ini juga dapat meluaskan rangkaian dan mengeratkan hubungan antara Pejabat Audit Dalam UTeM dengan BADSA, JKM Melaka.



Diharapkan program-program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang agar jalinan kerjasama dan perkongsian pengalaman Pejabat Audit Dalam UTeM bersama agensi lain dapat menambah nilai pengetahuan dan memantapkan lagi pemahaman serta kompetensi staf audit.

